

Klip video: Dr. M, Mohamed Dzaiddin terima sapina *um-12/1/2008*

KUALA LUMPUR 11 Jan. – Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah adalah antara 15 saksi yang disapina untuk memberi keterangan kepada Suruhanjaya Diraja yang menyiasat klip video memaparkan perbualan telefon seorang peguam berhubung pelantikan hakim-hakim.

Sapina terhadap bekas Perdana Menteri dan bekas Ketua Hakim Negara itu dikeluarkan Rabu lalu supaya hadir memberi keterangan kepada suruhanjaya berkenaan yang akan memulakan siasatan pada Isnin depan sehingga 25 Januari.

Pegawai khas bekas Perdana Menteri, Sufi Yusoff berkata, Dr. Mahathir dikehendaki hadir membantu prosiding siasatan pada Rabu ini.



DR. MAHATHIR

Menurut Sufi, sapina itu diterima oleh pegawai khas di pejabat bekas Perdana Menteri itu, Datuk Nordin Bachik bagi pihak Dr. Mahathir pada Rabu lalu.

“Dr. Mahathir mengesahkan beliau akan hadir sebagai saksi pada hari tersebut,” ujarnya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



MOHAMED
DZAIDDIN

Saksi

Sementara itu, Mohamed Dzaiddin ketika dihubungi mengesahkan kehadiran beliau sebagai saksi minggu depan.

Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), R. Sivarasa pula memberitahu, selain beliau, penasihat parti itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan penyelar PKR, Sim Tze Tzin juga akan memberi keterangan pada Selasa depan.

Difahamkan, saksi-saksi lain terdiri daripada pakar forensik digital dari syarikat Cyber Security Malaysia.

Sebelum ini, sebanyak 20 saksi telah diambil keterangan berhubung kes itu oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) termasuk seorang lagi bekas Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim.

Keterangan turut diambil daripada Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, tokoh perniagaan, Tan Sri Vincent Tan dan seorang bekas Ketua Setiausaha Negara.

Suruhanjaya Diraja itu yang ditubuhkan pada 12 Disember lalu dipengerusikan oleh bekas Hakim Besar Malaya, Tan Sri Haidar Mohamed Noor.

Suruhanjaya itu antara lain ditugaskan menyiasat dan menentukan kesahihan rakanan klip video, mengenal pasti identiti orang yang terdapat dalam klip video tersebut dan kepada siapa dia sedang bercakap serta orang yang disebut dalam perbualan itu.

Sementara itu, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam satu kenyataan hari ini menyatakan, prosiding siasatan Suruhanjaya Diraja itu bermula pukul 10 pagi hingga 5 petang di Mahkamah Tinggi, Aras 3, Kompleks Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Ketua Pengarahnya, Datuk Abdullah Sani Abdul Halim selaku Setiausaha Suruhanjaya Diraja memberitahu, sapina dikeluarkan kepada kesemua 15 saksi mulai minggu ini. Dalam perkembangan berkaitan, Presiden Majlis Peguam, Ambiga Sreenevasan berkata, pihaknya akan menghantar lima wakil sebagai peguam pemerhati dalam prosiding tersebut.

Menurut beliau, mereka ialah bekas Presiden Majlis Peguam, Yeó Yang Poh, Robert Lazar, Ranjit Singh, Christopher Leong dan Razlan Hadri.